
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

PLG 555 –Teori dan Amalan Kaunseling

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini

ARAHAN

Jawab **EMPAT (4)** soalan semuanya. Jawab **soalan nombor 1** dan pilih **TIGA (3)** soalan lain.

Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan pilihan hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Seorang pelajar sedang menghadapi masalah dengan pensyarahnya. Dia mengatakan kegagalannya memperolehi keputusan yang baik adalah disebabkan sikap pensyarahnya yang kurang senang terhadap dirinya. Dia sering mengatakan pensyarahnya terlalu sombong dan tidak mahu memahami dirinya. Keadaan semakin rumit sehinggakan pelajar ini bercadang untuk berhenti daripada mengikuti pengajiannya.

Berdasarkan kes di atas, jelaskan **SATU (1)** teori yang sesuai bagi memahami pelajar tersebut dan masalahnya. Berikan justifikasi anda.

(40 markah)

2. Bincangkan secara analitis perbezaan sifat tabii manusia daripada sudut pandangan teori psikoanalisis, teori pemusatan klien dan teori gestalt.

(20 markah)

3. Ford (1979) dan Wubbolding (1988) menekankan kepentingan menggunakan masa berkualiti bagi membina hubungan interpersonal. Beberapa ciri perlu dipenuhi bagi membolehkan penggunaan masa berkualiti dapat dilaksanakan dengan berkesan. Bincangkan ciri-ciri tersebut.

(20 markah)

4. Bincangkan konsep dan matlamat utama dalam teori transaksional analisis. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, jelaskan bentuk-bentuk transaksi dalam teori tersebut.

(20 markah)

5. Bincangkan perbezaan pendekatan rawatan yang diutarakan oleh Watson dengan pendekatan rawatan yang diutarakan oleh Skinner.

(20 markah)